



BAHAGIAN PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA
PERBADANAN MUZIUUM MELAKA

MEMO

Ruj. Fail: PMM/161/2 Jld.12 (20)
Tarikh: 6 Oktober 2025



Puan Noor Azimah binti Md Ali
Kurator S10

Puan Nur Afida binti Haron
Pembantu Tadbir (P/O) N2 (TBK 1)

Encik Zamri bin Husin
Pembantu Kemahiran H1

Encik Mohd Helmi bin Jainal
Pembantu Khidmat Am H1

Encik Zailani bin Sharif
Pembantu Khidmat Am H1

Encik Yusran bin Yahaya
Pembantu Khidmat Am H1

Encik Shamizan bin Abu Bakar
Pembantu Khidmat Am H1

Encik Shamsor bin Puasa
Pembantu Khidmat Am H1

Encik Mansor bin Ani
Pembantu Khidmat Am H1

Encik Rashdan bin Ab Rahman
Pembantu Khidmat Am H1

Tuan/Puan,

**JEMPUTAN KE MAJLIS APRESIASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI (MAPAN)
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat bil. JKMM(S)/PSM/306/3/2-6 Jld.34 (243) bertarikh 01 Oktober 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan tuan/puan adalah dijemput menghadiri **Majlis Apresiasi Perkhidmatan Awam Negeri (MAPAN) Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2025** yang akan disempurnakan oleh **YAB Ketua Menteri Melaka** pada ketentuan seperti berikut:-

Tarikh : 23 Oktober 2025 (Khamis)
Masa : 1.30 petang hingga 5.30 petang (Sesi II)
Tempat : Bunga Raya *Grand Ballroom*, Aras 7, Hotel Dusit Princess, Melaka
Aturcara : Seperti di LAMPIRAN D

3. Sehubungan dengan itu bagi melancarkan majlis tersebut, tuan/puan adalah **diwajibkan hadir ke Majlis Raptai pada 22 Oktober 2025 (Rabu) bermula jam 3.00 petang** bertempat di **Bunga Raya *Grand Ballroom*, Aras 7, Hotel Dusit Princess, Melaka**. Kehadiran semua penerima APC semasa sesi tersebut adalah diwajibkan.



**BAHAGIAN PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA
PERBADANAN MUZIUM MELAKA**

**JEMPUTAN KE MAJLIS APRESIASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI (MAPAN) PENTADBIRAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2025**

m/s 2..

4. Bersama-sama ini dilampirkan **Panduan dan Etika Menghadiri Majlis (LAMPIRAN B)** serta **Borang Tempahan Gambar Penerima APC Tahun 2025 (LAMPIRAN C)** untuk tindakan dan rujukan tuan/puan selanjutnya. Penerima juga diingatkan untuk **membawa bersama Kad Pengenalan** untuk pendaftaran sewaktu majlis raptai dan hari majlis. Segala kerjasama dan perhatian tuan/puan terhadap perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ERNE BINTI HAMSAH)

Pengurus Besar

Perbadanan Muzium Melaka

- s.k
- Kurator, Bahagian Pengurusan dan Sumber Manusia
 - Kurator, Bahagian Pemuziuman (Pendidikan)
 - Kurator, Bahagian Pemuziuman (Penyelidikan & Dokumentasi)
 - Kurator, Bahagian Pemuziuman (Pengurusan Koleksi & Repositori)
 - Kurator, Bahagian Pemuziuman (Pameran)

- untuk makluman dan pelepasan kakitangan di bawah seliaan tuan/puan untuk menghadiri majlis ini.

LAMPIRAN B

**PANDUAN MENGENAI PAKAIAN, SUSUN ATUR DAN TATA KELAKUAN PENERIMA
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) SEMPENA MAJLIS APRESIASI
MAJLIS APRESIASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI (MAPAN) PENTADBIRAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2025**

1. KEHADIRAN (MAJLIS RAPTAI)

- i. Penerima APC **diwajibkan hadir** ke **majlis raptai** pada **22 Oktober 2025 (Rabu), jam 3.00 petang** (mengikut sesi yang telah ditetapkan di dalam surat jemputan).
- ii. Penerima APC adalah dikehendaki untuk hadir **30 minit lebih awal** sebelum majlis raptai berlangsung.
- iii. Penerima APC juga adalah **diwajibkan** untuk membuat pendaftaran terlebih dahulu di kaunter pendaftaran sebelum memasuki dewan.
- iv. Penerima APC dikehendaki duduk di tempat yang telah ditetapkan oleh pihak urus setla sahaja (nombor tempat duduk akan ditentukan sewaktu majlis raptai). Penerima tidak dibenarkan untuk menukar susunan kedudukan.

2. KEHADIRAN (MAPAN 2025)

- i. Penerima APC dikehendaki hadir ke **MAPAN 2025** pada **23 Oktober 2025 (Khamis), jam 1.30 tengah hari** (mengikut sesi yang telah ditetapkan di dalam surat jemputan).
- ii. Penerima APC juga adalah **diwajibkan** untuk membuat pendaftaran terlebih dahulu di kaunter pendaftaran sebelum memasuki dewan.
- iii. Penerima APC tidak dibenarkan untuk duduk di tempat duduk yang lain sebelum sesi penyampaian sljil selesai.

3. ETIKA PAKAIAN PENERIMA APC**i. Lelaki**

- a. *Lounge Suit* (Ketua Jabatan)/ Baju Pejabat berlengan panjang/ Baju Seragam Jabatan dan bertanda nama.
- b. **Seluar panjang/ slacks** (*jeans*/ seluar pendek tidak dibenarkan); dan
- c. **Berkasut kulit hitam dan berstokin** (selipar, kasut getah dan kasut sukan tidak dibenarkan).

ii. Wanita

- a. Baju Kebangsaan/ Baju Pejabat dan bertanda nama
- b. **Berkasut kulit hitam dan bertutup** (selipar, kasut getah dan kasut sukan tidak dibenarkan).

**ATUR CARA MAJLIS RAPTAI
MAJLIS APRESIASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI (MAPAN)
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2025
(SESI II)**

TARIKH : 22 OKTOBER 2025 (RABU)
MASA : 3.00 PETANG - 4.00 PETANG
**TEMPAT : BUNGA RAYA GRAND BALLROOM, ARAS 7
HOTEL DUSIT PRINCESS, MELAKA**

- 2.00 petang : Pendaftaran Para Penerima APC dan AKP
(sesi pendaftaran akan ditutup pada pukul 3.00 petang)
- 3.00 petang : Taklimat
- 3.15 petang : Sesi Raptai Bermula
- 4.00 petang : Majlis Bersurai

**ATUR CARA
MAJLIS APRESIASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI (MAPAN)
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2025
(SESI II)**

TARIKH : 23 OKTOBER 2025 (KHAMIS)
MASA : 1.30 TENGAH HARI - 5.30 PETANG
**TEMPAT : BUNGA RAYA GRAND BALLROOM, ARAS 7
HOTEL DUSIT PRINCESS, MELAKA**

- 1.30 tengah hari : Pendaftaran Para Penerima APC
- 2.30 petang : Ketibaan Tetamu Jemputan
- 2.45 petang : Ketibaan Dif-dif Kehormat
- 2.55 petang : Ketibaan
Yang Berhormat Datuk Wira Azhar bin Haji Arshad
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
- 3.00 petang : Ketibaan
Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh
Ketua Menteri Melaka
- : Nyanyian Lagu Negaraku, Melaka Maju Jaya dan Perkhidmatan Awam
- : Bacaan Ikrar Rukun Negara
- : Bacaan Doa oleh Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin
Tawil, Mufti Kerajaan Negeri Melaka
- : Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
- : Penyampaian Cenderamata
- : Jamuan Diiringi Persembahan
- 5.30 petang : Majlis Bersurai